

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 10 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 44

## PETRONAS, Mitsui teroka peluang angkut cecair CO2

### PETRONAS, Mitsui teroka peluang angkut cecair CO2

PETRONAS memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan syarikat perkapalan global, Mitsui O.S.K. Lines Ltd (MOL) untuk meneroka peluang dalam pengangkutan cecair karbon dioksida (CO2) bagi rantaian 'perangkap, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) di Asia Pasifik dan Oceania.

Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Hulu PETRONAS, Adif Zulkifli, berkata syarikat minyak dan gas nasional itu sentiasa meneroka peluang untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam operasi.

Beliau berkata, kerjasama yang terjalin antara PETRONAS dan MOL adalah penting kerana pengangkutan CO2 cecair jarak jauh memainkan peranan utama dalam rantaian nilai CCUS.

"Kami yakin rekod prestasi MOL yang kukuh, ditambah pula dengan pemerolehan Larvik Shipping AS baru-baru ini yang mengangkut CO2 dengan selamat selama lebih 30 tahun, akan meletakkan kedua-dua syarikat menjadi peneraju di rantau ini dalam pengangkutan CO2 cecair jarak jauh," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau menandatangani MoU berkenaan bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MOL, Takeshi Hashimoto.

Adif berkata, PETRONAS juga ketika ini sedang mengambil langkah membina portfolio yang berdaya tahan dan mampan sejajar dengan strategi pertumbuhannya.

Beliau berkata, kumpulan juga berusaha untuk memberikan penyelesaian yang berkesan dengan jejak karbon yang lebih rendah menerusi kecermerlangan komersial dan operasi, penjana tenaga boleh diperbaharui dan inovasi teknologi.

PETRONAS, katanya, terus menyokong peralihan ke arah sumber tenaga karbon yang lebih rendah dengan menggunakan teknologi yang merendahkan pelepasan merentas rantaian nilai, merangkumi perangkap, pengangkutan dan penyimpanan karbon.

MOL bersama-sama dengan Larvik Shipping AS, antara syarikat global yang layak dalam pengendalian kapal cecair CO2 untuk gred makanan, akan menyumbang kepakarannya dalam pengangkutan selamat cecair CO2.